

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad malam tadi menyeru bekas-bekas siswazah Universiti Malaya di Malaysia dan Singapura memainkan peranan di bidang masing-masing untuk mengekalkan keharmonian perhubungan kedua buah negara.

Perdana Menteri yang kelihatan riang sambil berseloroh dalam ucapan singkatnya berkata:

"Kini terdapat 30,000 bekas siswazah Universiti Malaya di kedua buah negara.

"Kebanyakan mereka yang bertugas di tempat-tempat strategik boleh membantu perhubungan dua hala antara kedua buah negara. Anda hanya perlu mengangkat telefon untuk menghubungi rakan sejawat anda di seberang Tambak Johor dan menyatakan hasrat anda.

"Sekiranya, kita bermusuh ia hanyalah berlaku di bidang ekonomi dan perdagangan sahaja."

Bersejarah

Beliau berkata demikian sewaktu berucap di majlis makan malam tahunan Gild Siswazah, Universiti Malaya di salah sebuah hotel terkemuka di sini.

Majlis yang disifatkan sebagai bersejarah itu selain dari di hadiri oleh Datin Seri Dr. Siti Hasmah, isteri Perdana Menteri juga dihadiri oleh kira-kira 800 orang ahli Gild terdiri dari orang-orang kenamaan dan berpengaruh di negara ini.

Dr. M seru bekas2 siswazah kekalkan harmoni

Antara mereka termasuk Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, Menteri Pelajaran, Datuk Dr. Sulaiman Haji Daud, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Hashim Aman, Menteri Kerja-kerja dan Kemudahan Awam Datuk Samy Vellu beserta isteri masing-masing.

Jumlah kedatangan malam ini disifatkan sebagai suatu rekod dan para hadirin bukan sahaja datang dari sekitar Kuala Lumpur, tetapi juga dari Singapura, Pulau Pinang dan Pantai Timur Malaysia.

Rekod ini tidak memeranjatkan, kerana selain dari ingin bertemu kembali dengan kawan-kawan sekuliah, ahli-ahli Gild juga ingin meraikan Perdana Menteri dan Timbalannya yang merupakan dua tokoh po-

litik negara pertama yang dikeluarkan oleh Universiti Malaya.

Presiden Gild, Datuk Mohamad Noor Hassan dalam ucapan alu-aluannya berkata:

Rekod

"Kami semua adalah berbangga dengan lantikan-lantikan itu kerana ini adalah kali pertamanya siswazah lepasan Universiti Malaya menjadi Perdana Menteri semenjak negara kita Merdeka."

Beliau dalam ucapannya banyak menyentuh mengenai peranan Gild dalam membantu kerajaan mewujudkan rakyat Malaysia yang sentiasa berbangga dengan negaranya dan dengan penuh rasa hormat serta cintakan negara.